

Jangan salah guna alat pemadam api

Selenggara kemudahan mengikut tempoh masa ditetapkan

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

Klang: Keselamatan di sekolah penting untuk mewujudkan suasana yang kondusif untuk merangsang kecemerlangan dalam pembelajaran.

Isu keselamatan di sekolah agak terencil, namun perkara itu harus dititikberatkan supaya tidak menyebabkan kecederaan atau kes yang boleh mengancam nyawa pelajar.

Beberapa kes kebakaran di sekolah juga dapat dielakkan sekiranya mempunyai kelengkapan alat pemadam api.

Bagaimanapun, Penguasa Kanan Bomba II, Ketua Bomba Daerah Klang Selangor, Encik Samsol Maarif Saibani, berkata hasil pemeriksaan pihaknya mendapati peralatan keselamatan pihak bomba seperti sistem rumah pam dan alat pemadam api (APA) tidak diselenggara dengan baik.

Beliau berkata, penyelenggaraan penting untuk dilakukan kerana jika berlaku kebakaran di sekolah, sistem rumah pam yang tidak diselenggara dengan baik akan meny-



Penyelenggaraan berkala penting dilakukan untuk mengelak kesukaran untuk memadamkan kebakaran.

babkan kesukaran untuk memadamkan kebakaran.

"Hasil pemeriksaan di beberapa sekolah di daerah ini mendapati rumah pam yang menjadi tempat penting bagi membantu anggota bomba menjalankan tugas menjadi 'gajah putih'.

"Rumah pam menjadi 'mangsa' vandalisme dan dijadikan tempat simpanan peralatan seperti mop, penyapu, penyodok dan sebagainya," katanya ketika ditemui *BH Minda*, di sini, baru-baru ini.

Prosedur Operasi Standard (SOP) bomba adalah tidak membenarkan menyimpan barangan lain di dalam rumah pam.

Hasil pemerhatian pihak bomba, kebanyakan kes yang berlaku bu-

kan berpunca daripada api, tetapi akibat pendawaian elektrik tidak diselenggara dengan baik yang boleh menyebabkan litar pintas seterusnya kebakaran.

Selain itu, APA yang ditempatkan di setiap sudut sekolah juga didapati sudah tamat tempoh dan tidak boleh digunakan.

Pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Daerah (PPD) dan Negeri harus memainkan peranan penting dalam kesedaran membabitkan isu itu.

Encik Samsol berkata, perbuatan menjadikan gelung hos untuk mencuci tandas, menyiram pokok bunga, mencuci longkang di sekolah juga tidak sepatutnya berlaku kerana alat berkenaan penting un-

tuk memadamkan kebakaran dan bukannya untuk kegunaan domestik.

Beliau berkata, alat seperti gelung hos bomba, sistem rumah pam dan APA perlu diselenggara sekurang-kurangnya setahun sekali untuk memastikan peralatan itu berada dalam keadaan baik ketika situasi penting.

"Jika tidak diberi perhatian akan menyukarkan kerja memadam api yang berkemungkinan boleh menyebabkan berlakunya kehilangan nyawa dalam kalangan warga sekolah.

"Pihak sekolah harus memainkan peranan penting untuk memperbaharui permit APA, penyelenggaraan rumah pam dengan baik oleh pihak kontraktor yang dilantik JPNS atau PPD," katanya.

Bagi memastikan pelajar mempunyai asas dalam kerja menyelamatkan, beliau berkata, unit beruniform kadet bomba di sekolah akan diberi latihan sebagai pendedahan awal kepada mereka.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan menyediakan modul dengan memberi latihan kepada pelajar antaranya cara menyelamatkan menggunakan peralatan dan tidak menggunakan peralatan, ikatan anduh dan menyelamatkan mangsa menggunakan tali.

"Aktiviti ini dijalankan secara mingguan ketika waktu kokurikulum dan diwajibkan kepada ahli kadet bomba untuk menjalani latihan serta modul peperiksaan bagi



Encik Samsol Maarif Saibani

kenaikan pangkat sebagai asas disiplin diri pelajar," katanya.

Beliau menasihati pihak sekolah untuk memaklumkan kepada pihak JBPM sekiranya terdapat kerosakan peralatan bomba atau di kawasan sekolah yang boleh menyebabkan kecederaan.

"Kami akan hadir ke sekolah untuk membuat pemeriksaan dan sekiranya terdapat kerosakan yang boleh mengancam nyawa, kami akan memberi notis kepada pihak sekolah bagi mencegah bahaya punca kebakaran," katanya.

Beliau turut mencadangkan agar pihak sekolah mempunyai satu kumpulan dikenali sebagai Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) untuk mencegah kebakaran.

"Kumpulan ini perlu dianggotai oleh guru, kakitangan dan pelajar supaya kejadian kebakaran dapat dicegah lebih awal dengan menjalankan beberapa modul latihan asas memadam kebakaran dan menyelamatkan," katanya.